

PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC)

AMANAT TAHUN BAHARU 2018 PENGARAH RMC



Pada **07 Januari 2018** telah berlangsung Majlis Amanat Tahun Baharu 2018 oleh Pengarah RMC Profesor Dr. Mohd. Amri Lajis di War Room, RMC. Majlis bertujuan berkongsi aspirasi dan matlamat pusat kepada semua warga kerja RMC. Fokus amanat adalah pada aspek penjagaan kesihatan, taat kepada pemimpin dan konsep bekerja sebagai ibadah. Diharapkan agar semua warga kerja RMC dapat melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan ikhlas dan penuh kesyukuran.



TAKLIMAT PERMOHONAN GERAN PENYELIDIKAN KPT TAHUN 2018



Pada **29 Januari 2018** bertempat di Studio Pendidikan, FPTV telah diadakan Taklimat Permohonan Geran Penyelidikan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) 2018. Taklimat geran KPT telah disampaikan oleh penceramah jemputan dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr. Mohd. Adzir Mahdi. Manakala taklimat geran Collaborative Research in Engineering, Science and Technology (CREST) telah disampaikan oleh Profesor Madya Dr. Nafarizal Nayan dari MiNT-SRC. Dianggarkan seramai 150 orang penyelidik telah hadir ke taklimat tersebut. Objektif taklimat adalah untuk memberi pendedahan kepada para penyelidik mengenai penawaran, permohonan dan penilaian proposal geran penyelidikan. Diharapkan agar sesi perkongsian ilmu ini dapat memberi manfaat kepada warga penyelidik universiti.



PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC)

MAJLIS MERAIKAN STAF RMC

Pada **04 Januari dan 05 Februari 2018** telah berlangsung Majlis Meraikan Staf RMC yang berpindah ke Pusat Tanggungjawab lain dan tamat perkhidmatan. Staf yang diraikan adalah Pn. Suhailah Kassim dari Bahagian Pentadbiran Kewangan (BPK) yang berpindah ke Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (IIC), Pn. Siti Hajar A. Rahman, dari Bahagian Geran Penyelidikan (BGP) yang berpindah ke Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK), Pn. Nur Nadirah Khamis dan Cik Nur Fazreena Md. Sah dari BPK yang telah tamat perkhidmatan. RMC merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua staf yang telah berkhidmat dan menyumbang bakti, serta mendapatkan kejayaan mereka dalam apa juga bidang yang diceburi selepas ini. RMC juga mengucapkan Selamat Datang kepada Pn. Rozaliza Said Mohd Sood dari FTK yang mengantikan Pn. Siti Hajar. Pada majlis yang sama juga turut dilangsungkan sesi penyerahan Nota Serah Tugas kepada staf-staf yang berkelebihan. Semoga ikatan ukhuwah yang terjalin akan terus berkekalan.

